



UTM
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

FAKULTI SAINS SOSIAL DAN
KEMANUSIAAN

UHMS 1182 (PENGHAYATAN ETIKA & PERADABAN)

SEMESTER 2, 2019/2020

SEKSYEN 29

REFLEKSI

AHLI KUMPULAN:

NAMA	NO. MATRIK
1. TAN YONG SHENG	A20EC0157
2. ADAM WAFII BIN AZUAR	A20EC0003
3. CHLOE RACQUELMAE KENNEDY	A20EC0026
4. LUQMAN ARIFF BIN NOOR AZHAR	A20EC0202
5. MYZA NAZIFA BINTI NAZRY	A20EC0219
6. ONG HAN WAH	A20EC0129

DISERAHKAN KEPADA:

DR. FAIZAH BINTI MOHD FAKHRUDDIN

SKEMA PERMARKAHAN (DIISI OLEH PENSYARAH)

KRITERIA	MARKAH
KANDUNGAN	13/13
SUSUNAN/STRUKTUR	5/5
CARA PENULISAN	1/2
TOTAL	19/20

REFLEKSI

Setelah mempelajari isu-isu yang dibincangkan di dalam subjek 'Penghayatan Etika dan Peradaban' ini, kami berasa amat bersyukur. Hal ini demikian kerana kursus ini menghuraikan kepada kami tentang sejarah serta latar belakang etika dan peradaban dalam pelbagai tamadun, teori-teori etika, dan isu berkaitan dengan penghayatan etika dan peradaban. Subjek ini juga telah membahaskan penghayatan etika dan peradaban dari segi Malaysia dan antarabangsa. Ini menunjukkan bahawa etika dan peradaban memainkan peranan yang penting dalam pembentukan sesebuah negara. Oleh itu, penghayatan etika dan peradaban adalah tanggungjawab setiap lapisan masyarakat terutamanya generasi muda kerana kami merupakan penentu masa depan negara.

Tambahan pula, subjek ini juga membantu kami mengenali nilai yang baik serta buruk dalam pelbagai situasi berkaitan dengan etika dan peradaban. Dengan ini, kami berasa lebih sedar diri di mana kami perlu sentiasa menghayati dan mengamalkan nilai yang baik dalam kehidupan seharian untuk menjadi masyarakat yang terasuh dan terdidik. Kami juga memiliki kesedaran yang lebih mendalam supaya meneruskan usaha membina sebuah komuniti yang beretika dan beradab dari pelbagai aspek yang berbeza dengan menjadikan penghayatan nilai-nilai positif sebagai gaya hidup setiap individu.

Selain itu, kami berasa berani setelah mempelajari isu dalam subjek ini. Demi penghayatan etika dan peradaban, kami perlu sentiasa bersedia dan berani menghadapi segala rintangan yang ingin menjatuhkan negara kami dalam era globalisasi ini. Di samping itu, peradaban juga mencerminkan latar belakang sesebuah keluarga. Oleh hal yang demikian, kami harus berani untuk menghadang situasi yang bertentangan dengan etika dan adab yang betul.

BAB 1: PENGENALAN ILMU ETIKA DAN PERADABAN

Dalam bab ini, moral dan nilai murni yang kami pelajari adalah etika yang baik merupakan satu panduan hidup seseorang individu dan masyarakat. Hal ini demikian kerana dengan mempunyai etika dan adab yang baik, kami akan mementingkan tingkah laku terutamanya semasa menghadapi dengan orang lebih tua. Sebagai contoh, orang muda harus menunduk semasa berjalan lalu orang tua dengan tangan kanan tegak ke bawah sebagai tanda penghormatan. Namun begitu, perbuatan yang senang ini sering dilupai oleh generasi muda. Oleh itu, kita harus sentiasa mengingatkan diri sendiri supaya mengamalkan etika dan adab yang sepatutnya.

Jika dilihat dari perspektif yang lain pula, kami juga mempelajari kemahiran serta kualiti hidup berdasarkan etika dan adab yang positif dalam bab ini. Misalnya, kita perlu mengatur kehidupan kerana hidup yang beretika dan beradab adalah hidup yang berkualiti tinggi. Sebagai seorang pelajar, nilai etika perlu diaplikasikan sepanjang tempoh pembelajaran seperti adab menuntut ilmu agar ilmu yang diperoleh itu diberkati. Seterusnya, proses pembelajaran telah berubah sejak pandemik COVID-19 berlaku dan pelajar perlu berkomunikasi dan belajar secara maya. Oleh itu, pelajar harus sentiasa mengamalkan etika dan adab yang betul semasa berinteraksi dengan pensyarah dengan memperkenalkan diri sendiri terlebih dahulu dan menggunakan kata-kata yang sopan. Hal ini demikian kerana cara komunikasi menggambarkan akhlak pelajar.

Bab ini juga telah memberi kami pengetahuan dari segi intelektual serta psikologi di mana kita tidak harus terlalu mementingkan kedudukan tinggi atau pangkat kerana situasi ini akan melahirkan individu yang menjaga kepentingan diri sendiri sahaja tanpa menjaga perasaan orang lain. Sekiranya situasi seperti ini berlaku secara berterusan, masyarakat tidak dapat bersatu padu dan negara akan berpecah belah. Oleh itu, kita perlu menjaga kepentingan orang ramai dengan menyemai etika dan adab yang betul supaya segala perbuatan yang dilakukan tidak akan membawa kesan yang buruk terhadap semua pihak.

Akhir sekali, cabaran yang kami hadapi semasa menyedia dan menyempurnakan tugas bab ini adalah terdapat beberapa tugas dan ujian yang perlu disiapkan dalam tempoh yang sama. Situasi ini telah memberi kami sedikit tekanan untuk menyiapkan tugas yang diamanahkan. Namun begitu, kami telah mengambil peluang ini sebagai satu proses untuk menguji daya tahan kami dan tidak berputus asa supaya dapat menyelesaikan tugas ini dengan sempurna. Selain itu, kami mendapati bahawa soalan yang perlu dijawab melibatkan pelbagai aspek yang agak mendalam. Oleh itu, untuk menyelesaikan cabaran ini, kami telah mencari informasi yang berbeza untuk menjawab soalan-soalan tersebut.

BAB 2: TEORI-TEORI ETIKA

Dalam usaha menyediakan kerja khusus ini, kami ingin merakamkan ribuan terima kasih kepada Dr. Faizah, selaku pensyarah subjek Penghayatan Etika dan Peradaban kami atas segala nasihat, dorongan, bantuan dan keprihatinan semasa menyempurnakan tugas ini. Pertamanya, refleksi kami mengenai bab 2 Teori-teori Etika adalah tajuk ini mengajar kami tentang sejarah perkembangan teori-teori etika ini yang diusahakan oleh para ilmuwan di seluruh dunia. Tujuan teori-teori ini diwujudkan adalah sebagai satu panduan kepada semua untuk diamalkan dalam kehidupan seharian. Salah satu contohnya adalah teori kebaikan. Kewujudan teori ini dapat menjadi panduan kepada kita untuk berkelakuan baik di mana-mana kita berada tidak kira masa atau situasi. Seperti yang kita tahu, setiap perbuatan yang kita lakukan pasti akan ada peraturan yang harus dipatuhi bersamanya. Dengan kehadiran teori-teori etika yang sudah kami pelajari ini dapat membantu kami untuk memikirkan tindakan yang akan dilakukan oleh kami supaya tidak menyesal di kemudian hari. Seterusnya, teori-teori ini juga mengajar kami tentang bagaimana untuk melaksanakan tanggungjawab sebagai seorang rakyat ataupun sebagai seorang pemimpin. Teori-teori etika ini juga mengajar kami untuk menjaga dan menolong golongan yang memerlukan selagi kita masih mampu serta teori-teori ini menekan bahawa untuk tidak hanya memikirkan diri sendiri. Selain itu, teori-teori ini juga sesuai untuk semua manusia tidak kira bangsa, agama dan warna kulit. Teori-teori etika ini mengajar semua manusia untuk bersatu padu dan mampu mewujudkan satu jalan penyelesaian jika berlakunya ketidaksetujuan. Untuk menjadikan dunia ini satu tempat yang lebih baik bukanlah satu perkara yang mudah kerana ini bukan kerja individu. Ini merupakan satu kerja yang memerlukan ramai pihak untuk turut serta. Tetapi kita semua dibesarkan dan dibiasakan dengan nilai-nilai etika yang berlainan.

Dengan adanya teori-teori etika ini ia dapat menjadi satu panduan kepada semua jenis lapisan masyarakat untuk meraih satu impian yang sama. Teori-teori ini dapat membantu untuk membentuk satu masyarakat yang berkualitas dan mampu untuk menjadi aspek yang penting kepada negara.

BAB 3: ETIKA DALAM KEPELBAGAIAN TAMADUN: ISLAM & MELAYU

Bab ini mengajar kami tentang betapa hebat Tamadun Islam pada satu masa dahulu yang mampu menakluki dua pertiga dunia dan bab ini juga menjadi satu panduan kepada umat Islam masa kini untuk berusaha memahami apa tugas sebenar yang diberikan kepada kita sebagai khalifah seterusnya mengamalkan apa yang diajarkan kepada kita oleh Nabi Muhammad bagi membela nasib dan maruah ummah yang kian hari makin merunsingkan. Selain itu, tajuk ini juga dapat memupukkan satu ikatan antara masyarakat seperti yang dilakukan pada zaman tamadun Islam tersebut. Tamadun Melayu merupakan salah satu tamadun yang hebat pada suatu ketika dahulu. Antara sebabnya adalah kerana teras perkembangan tamadun Melayu adalah berasaskan agama Islam. Islam mengajar seseorang individu untuk membentuk jati diri yang unggul dan kekuatan dalaman yang kuat agar berupaya untuk terus memajukan dan mengekalkan sesuatu tamadun atau negara. Bukan itu sahaja, tamadun Melayu juga kaya dengan sumber- sumber alam yang sangat bernilai serta penuh dengan kesenian dan kemahiran yang unik disebabkan percampuran pelbagai budaya dan adat. Masyarakat tamadun Melayu dikenali sebagai masyarakat yang berbudi bahasa dan mempunyai budi pekerti yang baik. Kedatangan agama Islam ke Tanah Melayu telah memperbaiki lagi nilai-nilai murni yang tertanam dalam diri masyarakat tamadun Melayu. Agama Islam diterima dengan baik sekali oleh masyarakat dan pemimpin tamadun Melayu pada ketika itu dan ianya kekal sehingga ke hari ini.

BAB 4: ETIKA DALAM KEPELBAGAIAN TAMADUN: CHINA, INDIA & BARAT

Tajuk ini menekankan pada tiga tamadun purba di dunia iaitu tamadun Cina, tamadun India dan tamadun Barat. Ketiga-tiga tamadun ini mempunyai perbezaan antara satu sama lain namun masih mempunyai matlamat yang sama pada umumnya iaitu peningkatan dari sudut etika manusia.

Terdapat konsep Wu Lun iaitu 5 hubungan yang dalam peradaban Cina. Ia fokus pada hubungan antara rakyat dan pemerintah, hubungan antara ibu bapa dan anak-anak, hubungan antara suami dan isteri dan hubungan antara kawan-kawan. Ajaran Konfucius menekankan kepada hubungan antara rakyat dan pemimpin kerana ia menggariskan cara pemimpin memerintah. Keamanan dan kesejahteraan negara bergantung kepada pemerintahnya. Bagi hubungan antara ibu bapa dan anak-anak pula, prinsip ketaatan dan berbakti kepada ibu bapa ditekankan dan anak-anak bertanggungjawab untuk menyembah serta mengorban sembah rohani bagi ibu bapa mereka. Dalam hubungan suami dan isteri, suami memainkan tanggungjawab yang penting iaitu sebagai ketua keluarga dan isteri pula mewakili sifat yin dalam dirinya yang pasif serta mentaati perintah suaminya. Kedua-dua mereka haruslah saling menyayangi untuk rumah tangga mereka sendiri. Hubungan adik-beradik pula menekankan sikap sopan-santun yang perlu diamalkan terutamanya oleh yang muda kepada yang tua. Akhir sekali, hubungan antara kawan membincangkan tentang adab antara sahabat sama ada pada umur sebaya atau kepada lebih tua.

Hubungan-hubungan yang disebut di atas perlulah diamalkan oleh masyarakat mana-mana sekalipun kerana ia mementingkan kesejahteraan antara hubungan bagi setiap anggota masyarakat, jadi kita boleh mengambil iktibar dari tamadun Cina. Hal ini demikian kerana, masyarakat kita di negara ini semakin kehilangan rasa hormat antara satu sama lain. Sebagai contohnya, lebih kerap kita dapat melihat ramai anak muda yang tidak lagi menghormati mereka yang lebih tua. Selain itu, kita seringkali melihat banyak penceraian antara suami isteri. Perkara tersebut boleh dielakkan sekiranya kita mengamalkan prinsip yang ditekankan dalam hubungan suami dan isteri.

Tamadun Cina juga mengamalkan lima sifat mulia iaitu Wu Chang. Ren iaitu peri kemanusiaan adalah teras bagi akhlak mulia bagi seseorang manusia itu. Ia juga merupakan dasar kepada setiap hubungan sesama manusia. Yi pula adalah kebolehan individu mengenal pasti antara perkara yang baik atau buruk. Yi berkait rapat dengan intuisi manusia untuk melakukan sesuatu yang betul tanpa memikirkan kesudahan daripada perbuatannya itu. Li adalah peraturan hubungan sesama manusia yang konkrit serta prinsip-prinsip umum susunan sosial dalam masyarakat. Chih ataupun Zhi adalah kebolehan individu membuat keputusan untuk bertindak, bersifat futuristik, mengambil kira kebarangkalian situasi atau impak. Akhir sekali, Hsin atau Xin iaitu sifat layak dipercayai oleh orang lain.

Masyarakat Cina sedar bahawa untuk menjamin hubungan yang kukuh antara satu sama lain, mereka perlulah mempunyai sifat yang mulia serta membolehkan mereka dihormati orang ramai. Lima sifat tersebut dapat membetulkan seseorang itu ke arah yang sehaluan dengan masyarakat itu sendiri. Sifat-sifat tersebut ini berkait rapat dengan masyarakat Cina pada masa dahulu yang sering saling memerlukan satu sama lain maka kelima-lima sifat ini sangatlah diperlukan oleh mereka. Pada masa yang sama juga, hubungan yang sihat antara satu sama lain juga boleh mempengaruhi perwatakan seseorang individu tersebut. Jadi kedua-duanya berkait rapat antara satu sama lain.

Tamadun India pula mempunyai nilai-nilai etika yang berbeza daripada tamadun Cina. Antara nilai-nilai etika yang terdapat dalam tamadun India adalah mengangkat darjat wanita, menghormati orang tua, meraikan tetamu, hidup bermaruah dan kenal malu dan akhir sekali, menjaga kebersihan.

Kannittanmai bermaksud menjaga kedaraan seseorang gadis manakala Karppu pula bermaksud kesetiaan kepada suami, adalah antara contoh dalam nilai-nilai mengangkat darjat wanita. Nilai ini patut dicontohi oleh semua orang kerana ia dapat mengurangkan masalah sosial yang berlaku pada hari ini. Pada masa yang sama, masalah keluarga juga dapat dibendung melalui prinsip Karppu kerana isteri akan taat atas perintah suami. Konsep Dewi Ibu juga diamalkan oleh mereka memberi kesan kepada keharmonian dalam sesuatu keluarga secara tidak langsung. Ini adalah penting kerana bagi masyarakat tamadun India, mereka menganggap

bahawa ibadah mereka tidak diterima sekiranya tidak menghormati kedua ibubapa mereka. Tamadun India juga meraikan tetamu mereka dengan mesra meskipun jika mereka bermusuhan. Ini boleh diterangkan melalui Atithi devo bhava yang bermaksud tetamu itu bersamaan dengan tuhan. Selain itu, masyarakat tersebut juga mengamalkan sifat hidup bermaruah dan kenal malu. Mereka lebih rela untuk mati dalam keadaan terhormat berbanding hidup dengan maruah yang tercemar. Akhir sekali, tamadun India mengamalkan sifat menjaga kebersihan bukan sahaja luaran malah dalaman juga. Mereka memilih untuk memakan diet yang berasaskan sayur-sayuran kerana ia dikaitkan dengan konsep kebersihan serta untuk mengelakkan penyeksaan kepada sebarang kehidupan lain.

Tamadun Barat dibahagikan kepada dua, iaitu tamadun Greek dan tamadun Rom. Masyarakat Greek mengamalkan konsep *arête* yang bermaksud virtue iaitu kebaikan atau budiman. Plato dan Aristotle membincangkan bahawa interaksi manusia dan alam berkait dengan sifat budiman seseorang. Masyarakat Greek juga mengamalkan konsep “time” iaitu honor atau kehormatan seperti yang dapat dilihat dalam kisah-kisah rakyat Homer. Pythagoras dan Demokritus berpendapat bahawa keperibadian budi dapat menjamin kebahagiaan masyarakat dan kejayaan sesebuah negara. Bagi masyarakat Rom pula, mempunyai etika berkonsepkan dua perspektif iaitu etika peribadi dan etika awam. Antara nilai-nilai keperibadian yang diamalkan adalah dignitas atau dignity yang bermaksud kehormatan diri, veritas atau honesty yang bermaksud kejujuran, dan clementia atau mercy yang bermakna mengasihani. Nilai-nilai berada di dalam masyarakat pula adalah *aequitas* atau firmness yang bermaksud kesaksamaan, *justitia* atau justice yang bermaksud keadilan, *libertas* atau freedom yang bermakna kebebasan, dan *nobilitas* atau nobility yang bermakna budiman.

Masyarakat Barat pada umumnya masih mengamalkan konsep “*arête*” yang mencerminkan budiman dalam dirinya. Oleh itu, majoriti masyarakat Barat mempunyai keperibadian yang tinggi kerana ia merupakan seumpama tuntutan di dalam masyarakat mereka. Dengan keperibadian yang tinggi, ia memudahkan mereka untuk bergaul serta bercampur antara satu sama lain yang menyebabkan kejayaan mereka dalam sejarah. Konsep *justitia* pula telah menyebabkan banyak undang-undang pada hari ini berasaskan daripada tamadun Rom. Hal ini demikian kerana, mereka merupakan antara masyarakat yang terawal di dunia yang

memperkenalkan undang-undang lengkap lalu dijadikan asas panduan bagi masyarakat-masyarakat lain.

Subjek ini banyak mendedahkan saya kepada perkara yang baharu seperti tamadun Cina dan tamadun India. Saya dapat memahami tentang sejarah bagi kedua-dua masyarakat tersebut. Oleh itu, dengan ilmu yang saya pelajari ini, saya dapat memahami dengan lebih lanjut akan sejarah adat resam bagi rakan-rakan saya yang berbangsa Cina dan India. Jadi, saya yakin dengan ilmu yang dipelajari ini dapat membuang sifat prasangka terhadap mereka dan pada masa yang sama boleh mengurangkan ketegangan kaum yang sedang berlaku di negara kita ini.

Cabaran yang saya hadapi adalah mempelajari perkara baharu. Saya lebih terdedah kepada tamadun Islam kerana saya penganut agama Islam. Namun, saya menyahut cabaran ini untuk mempelajari dengan lebih lanjut lagi bagi tamadun Cina, India dan Barat. Bagi tamadun Cina, terdapat banyak perkataan yang buat kali pertama saya membacanya seperti Wu Chang. Tambahan pula, saya juga tidak berupaya untuk bertutur Bahasa Mandarin jadi perkataan baharu itu menjadi lebih sukar untuk difahami serta dihafal. Masalah yang sama juga dihadapi oleh saya untuk tamadun India kerana saya tidak bertutur Bahasa Tamil. Namun, ini mungkin tidak menjadi satu masalah sekiranya saya memilih tamadun Islam kerana saya tidak begitu kekok dengan Bahasa Arab.

BAB 5: KESEPADUAN NASIONAL

Antara nilai murni yang kami dapat pelajari dari bab ini adalah memperkukuhkan perpaduan nasional melalui etika dan peradaban dengan menerima perbezaan serta saling membantu tanpa mengira agama, bangsa dan budaya. Berikut merupakan satu elemen yang amat penting dalam menghasilkan sebuah negara yang harmoni dan damai. Sebenarnya, masyarakat telah mula memahami kepentingan perpaduan dan wujudnya Rukun Negara yang bertujuan membentuk masyarakat yang bersatu-padu. Walaupun pihak kerajaan telah menitik-berat tentang permasalahan antara kaum tetapi masih terdapat anggota masyarakat atau pihak yang tidak sedar tentang keburukan kekurangan perpaduan. Tambahan pula, mereka membuat dan menyebarkan informasi palsu yang mengandungi isu sensitif untuk memecah-belah perpaduan antara kaum di Malaysia. Peristiwa perpecahan antara kaum yang paling terkenal di Malaysia adalah rusuhan 13 Mei yang berlaku pada tahun 1969. Punca berlakunya peristiwa ini adalah kerana semasa penjajahan Jepun, penduduk Tanah Melayu diperlakukan secara berbeza. Orang Cina telah dilayan dengan teruk oleh orang Jepun daripada orang Melayu. Keadaan ini menimbulkan rasa dendam antara satu sama lain kerana orang Jepun pernah bertempur dengan China, yang masih segar dalam ingatan saya. Prasangka layanan menaburkan kebencian antara orang Melayu dan Cina. Oleh itu, mereka telah melawan dan menyebabkan seramai 196 orang kehilangan nyawa, 6000 orang kehilangan tempat tinggal dan 753 bangunan rosak.

Melalui bab ini, kami telah mengetahui bahawa kepentingan menjalin hubungan yang baik dengan masyarakat lain kerana ia amat penting dalam memastikan keamanan dan keharmonian masyarakat. Sebagai rakyat Malaysia, kita perlu menjalankan tanggungjawab dan tugas kita dengan mengamalkan konsep kesepaduan sosial demi mengurangkan konflik antara satu sama lain. Seterusnya, kami juga mengetahui bahawa melalui proses asimilasi dan amalgamasi boleh mewujudkan penggabungan antara masyarakat dan kaum untuk menghasilkan satu masyarakat

atau budaya yang baharu. Sebagai contohnya, Baba Nyonya merupakan satu kebudayaan dan masyarakat yang baharu dihasil daripada proses asimilasi. Mereka mempunyai kedudukan tinggi di kaum Cina dan mendakwa mereka sebagai rakyat British tetapi mempunyai unsur pengaruh kebudayaan Melayu.

Cabaran yang kami hadapi dalam process penyediaan dan menyempurnakan tugas ini adalah kekurangan ilmu pengetahuan tentang isi topik ini. Ini telah menyebabkan penggunaan masa yang lebih panjang untuk mencari maklumat melalui Internet dan buku tentang topik ini. Kami juga membandingkan informasi yang dicari dari Internet untuk mendapatkan maklumat yang paling tepat melalui laman web yang rasmi seperti Sinar Harian.



(Rajah di atas menunjuk Peristiwa 13 Mei)

BAB 6: PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN TIANG SERI ETIKA

& PERADABAN DI MALAYSIA

Kami telah mendapat banyak moral, nilai-nilai murni, kualiti dan kemahiran setelah belajar mengenai bab ini. Antara nilai murni yang telah kami dapat dari bab ini ialah nilai toleransi dan nilai kerjasama antara kaum yang berlainan. Antara peristiwa yang menunjukkan nilai ini ialah peristiwa Pilihanraya Umum 1955 di mana kerjasama antara tiga kaum terbesar di Malaysia kaum Melayu, kaum Cina dan kaum India melalui UMNO, MCA dan juga MIC yang telah menubuhkan Jawatankuasa Kerja Majlis Sementara Perikatan untuk menghadapi Pilihan Persekutuan 1955 bagi membincang mengenai pembahagian kerusi dan kedudukan calon mengikut parti. Oleh itu, kerjasama dan juga toleransi yang tinggi antara kaum yang berbeza ini telah memainkan peranan yang besar dalam mendorong kemenangan Parti Perikatan yang memenangi 51 kerusi daripada 52 kerusi yang dipertandingkan.

Dari peristiwa tersebut juga, kami juga mendapat moral iaitu kita haruslah membuang sifat perkauman dan sentiasa bertolak ansur sesama sendiri tidak kira kaum, agama dan bangsa kerana dengan adanya sifat perkauman dan tiada sifat bertolak ansur di dalam diri seseorang individu, pergaduhan dan perselisihan pendapat akan sering berlaku. Ini akan menjadi faktor negara Malaysia akan runtuh kerana dengan ketidakstabilan hubungan antara rakyat di Malaysia, negara luar akan mengambil kesempatan untuk menguasai Malaysia. Oleh itu, rakyat Malaysia haruslah mengamalkan sifat bertolak ansur dan toleransi antara kaum supaya negara yang berbilang kaum yang aman dan makmur boleh diwujudkan.

Melalui bab ini, kami telah sedar bahawa negara kita telah melalui banyak proses dan pelbagai cabaran sebelum negara yang berbilang kaum dan bangsa yang harmoni telah dibentuk. Perlembagaan Persekutuan Malaysia yang wujud pada masa kini telah dibentuk berasaskan pelbagai perjanjian dan juga persefahaman antara setiap kaum sejak sebelum negara Malaysia mencapai kemerdekaan lagi. Dengan memahami dan menghayati sejarah pembentukan Perlembagaan Persekutuan Malaysia, rakyat Malaysia akan memahami betapa pentingnya sifat bertolak ansur antara kaum dan ini akan mendorong rakyat Malaysia untuk menjadi lebih bertolak ansur dan toleransi dengan kaum yang lain. Selain itu, rakyat Malaysia juga akan menerima dengan perlembagaan ini dengan hati yang terbuka dan tidak akan mempertikai atas keputusan dan perjanjian yang telah dilakukan oleh nenek moyang kita dahulu. Dengan ini, masyarakat yang majmuk boleh diwujudkan dan kestabilan serta keamanan Malaysia boleh dikekalkan.

Cabaran yang telah saya hadapi semasa menyediakan dan menyempurnakan tugas ini ialah saya kurang memahami sangat tajuk ini pada mulanya semasa membaca slaid yang telah diberi. Oleh sebab terlalu banyak peristiwa dan sejarah yang berlaku yang telah diceritakan dalam bab ini, saya agak keliru tentang kejadian yang telah berlaku dan juga keliru akan kronologi masa mengenai kejadian tersebut. Oleh itu, saya mengambil tindakan untuk mencari informasi lebih di Internet dan juga di dalam buku modul subjek ini supaya saya dapat memahami akan kronologi masa peristiwa tersebut dengan lebih mendalam.

BAB 7: PENERAPAN ETIKA & PERADABAN DALAM BUDAYA

& KOMUNIKASI KONTEMPORARI

Nilai murni dan moral yang boleh kami pelajari melalui bab ini adalah menjauhkan diri dari hiburan hedonisme dan saling menghormati tanpa mengira kaum. Secara rumusnya, bab ini menghuraikan tentang kebebasan bersuara dan juga hiburan hedonisme. Pertamanya, kita mempunyai hak untuk menyampaikan fikiran dalam apa-apa bentuk untuk mencapai kestabilan masyarakat. Walau bagaimanapun, kita perlu berhati-hati semasa mengeluarkan fikiran sendiri iaitu tidak mengandungi isu sensitif, kata-kata kesat terhadap individu lain dan perkara yang boleh memecahkan keharmonian dalam kalangan masyarakat. Sebagai contohnya, pihak polis telah menangkap empat individu yang terlibat dalam penghinaan agama dan perkauman pada 16 Ogos 2020. Individu tersebut telah memuat naik video yang membangkitkan sentimen perpecahan di YouTube. Media sosial seperti Facebook, Instagram, Whatsapp dan Twitter merupakan pelantar untuk kami mengeluarkan fikiran tetapi perlu menggunakannya dengan bijak supaya tidak akan terlibat dalam jenayah siber. Seterusnya, nilai murni yang kami pelajari adalah bersikap rasional dalam apa-apa situasi. Hedonisme merupakan suatu pandangan yang mementingkan keseronokan serta kesenangan hidup tetapi sikap ini sering dipraktik dalam kalangan remaja. Penulis ingin menyampaikan mesej bahawa hedonisme merupakan satu sikap yang buruk yang boleh mendorong manusia ke arah materialistik dan kesombongan. Ia akan menceroahkan fikiran remaja jika dipengaruhi oleh sumber di media elektronik. Oleh itu, kami perlu berfikir secara rasional sebelum dipengaruhi oleh sikap tersebut. Remaja perlu mengawal disiplin sendiri dengan menjauhkan diri daripada sikap negatif, menunjukkan sikap rasional dengan berfikir tentang keburukan kepada setiap perkara. Kami harus bersyukur dan sedar tentang kebijaksanaan

dan fikiran yang matang supaya dapat mengeluarkan pendapat yang jelas dan tidak menyinggung mana-mana pihak. Contohnya, remaja sekarang yang gila tentang kpop membazirkan wang dan masa mereka untuk membeli tiket konsert dan poster. Perbuatan mereka akan mengganggu pelajaran mereka dan fikirannya.

Bab ini telah membawa impak yang besar kepada kami kerana memberitahu kesan dan faktor hedonisme. Ramai remaja yang masih tidak menjaga perkataan mereka semasa menggunakan media sosial. Selain itu, bab ini juga menjadikan kami lebih rasional dalam membentuk Internet menjadi sebuah pelantar yang bersuasana harmoni dengan tidak menyentuh isu sensitif yang boleh memecahkan harmoni masyarakat. Akhirnya, melalui bab ini kami berpendapat bahawa perlu bersikap rajin dan menjauhkan diri daripada fikiran yang mementingkan keseronokan.

Cabaran yang kami hadapi semasa meyedia dan menyempurnakan tugas bab ini adalah menghuraikan bab ini dan memberi pendapat. Kami tidak mendapat informasi yang cukup untuk membuat refleksi kerana ramai laman web tidak memberi informasi yang cukup tepat dan sama. Selain itu, cabaran yang kedua adalah kelambatan WiFi menyebabkan proses berbincang antara ahli kumpulan lebih sukar terutamanya pada musim hujan.

BAB 8: PERANAN ETIKA & PERADABAN MENDOKONG

TANGGUNGJAWAB SOSIAL

Bab ini telah menegaskan peranan individu sebagai ahli masyarakat serta kepentingan etika dan nilai-nilai murni yang tinggi dalam sesebuah tamadun bagi menjamin kesejahteraan persekitaran sosialnya. Walau sehebat manapun sesuatu tamadun itu, peradaban tersebut akan mengalami keruntuhan suatu hari nanti jika warganya meninggalkan nilai beretika dan tanggungjawab sosial mereka. Dalam bab ini, kami telah mengetahui tanggungjawab sosial iaitu kewajiban setiap individu untuk bertindak bagi kepentingan masyarakat secara keseluruhan. Tanggungjawab sosial boleh dibahagikan kepada aspek rakyat, profesional, organisasi dan alam sekitar. Semasa membincangkan tanggungjawab sosial terhadap manusia lain, saya teringat satu isu iaitu skandal Theranos. Seorang perempuan bernama Elizabert Holmes membuat tuntutan palsu bahawa dia telah mencipta sebuah alat yang dapat menggantikan pelbagai ujian dan mengesan pelbagai penyakit dengan hanya mengambil setitis darah. Korporasi Theranos yang ditubuhnya telah menawan hati ramai pelabur dan mencatatkan pelaburan sebanyak \$10 bilion. Dua orang bekas pekerjanya telah berani menampilkan diri sebagai peniup wisel untuk mendedahkan segala penipuan Theranos walaupun diugut oleh Holmes. Perbuatan dua orang peniup wisel ini menunjukkan mereka memiliki tanggungjawab sosial dan wajar kita contohi kerana ini adalah untuk kebaikan manusia lain supaya tidak terus ditipu. Dari aspek profesional, kami sebagai pelajar juga mempunyai tanggungjawab sosial dan etika yang perlu diikuti seperti mematuhi peraturan universiti dan menyelesaikan semua tugas yang diberi oleh pensyarah. Dari aspek alam sekitar pula, kita haruslah memastikan keputusan dan tindakan kita tidak akan mengancam alam sekitar. Gangguan manusia terhadap keseimbangan ekosistem pada akhirnya

juga manusia yang menimpa keburukannya. Walaupun tanggungjawab sosial dilihat dibahagi kepada empat aspek, namun keempat-empat aspek ini adalah saling berkait. Misalnya, keputusan sesebuah organisasi juga boleh mempengaruhi rakyat, profesional dan alam sekitar. Di samping itu, tanggungjawab sosial dan penghayatan nilai murni tidak dapat dipisahkan. Kita harus mengamalkan nilai keadilan sosial dengan membantu orang yang susah dan menegur mereka yang berbuat salah. Contohnya, kita haruslah memberi teguran dan nasihat atau melaporkan kesalahan yang didapati kepada pihak berkaitan.

Setelah mempelajari bab ini, kami sebagai seorang warga bagi negara ini atau organisasi lain, hendaklah menjalankan tugas dan tanggungjawab sosial kami untuk memberi impak yang positif kepada persekitaran kami. Sekiranya semua rakyat dapat memenuhi tanggungjawab sosial masing-masing, wujudlah keseimbangan yang menjamin kesejateraan sosial. Keseimbangan ini menyumbang kepada keadilan masyarakat dan pertumbuhan ekonomi, sudah tentulah negara kita akan menjadi lebih maju. Kami juga mendapati bahawa tanggungjawab sosial yang kami pelajari adalah selari dengan nilai-nilai peradaban Islam seperti konsep *ihsan* atau kebaikan.

Cabaran yang kami hadapi semasa menyempurnakan tugas ini adalah terdapatnya beberapa istilah dalam konteks Islam yang tidak mudah untuk difahami dan diingati oleh ahli kumpulan berbangsa Cina, contohnya, *ihsan*, *muraqabah*, *amar maaruf nahi mungkar* dan lain-lain. Oleh itu, kami telah menanya ahli kumpulan yang beragama Islam dan mencari maklumat dari Internet untuk lebih memahaminya.

BAB 9: CABARAN KETERLESTARIAN ETIKA & PERADABAN

Terdapat banyak nilai-nilai murni, moral, kualiti serta kemahiran yang telah kami dapati semasa belajar bab ini. Antara nilai yang telah kami dapati dalam bab ini ialah patriotisme iaitu rasa bangga akan negara Malaysia. Melalui tajuk ini, kami telah pelajari akan kesusahan yang telah nenek moyang kita lalui pada zaman dahulu untuk membentuk sebuah negara yang berbilang kaum dan bangsa yang harmoni. Perkara yang telah nenek moyang kita berjaya untuk capai tidak mudah terutamanya dengan masyarakat yang berbilang kaum, agama dan bangsa. Sebagai contoh, pada zaman sekarang, terdapat pelbagai usaha yang telah dilakukan oleh kerajaan untuk membina perpaduan antara masyarakat seperti menubuhkan Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) yang menggubal Pelan Tindakan Perpaduan dan Integrasi nasional. Oleh itu, kita haruslah rasa bangga akan negara kita kerana bukan semua negara boleh mencapai apa yang telah dicapai oleh negara kita Malaysia.

Selain itu, moral yang boleh didapati dalam bab ini ialah kita hendaklah menjunjung tinggi atas budaya ilmu kerana dengan adanya ilmu pengetahuan, seorang khalifah dan insan yang berguna dan berkualiti boleh dijanakan. Ilmu juga boleh membentuk insan yang beradab kerana ilmulah yang membentuk jasmani, emosi, rohani dan intelektual. Dengan adanya masyarakat yang berilmu, negara yang maju dan makmur boleh diwujudkan. Oleh itu, semua pihak haruslah memainkan peranan masing-masing untuk menyebarkan budaya ilmu ini kepada semua rakyat Malaysia seperti membuat kempen.

Melalui bab ini, kami tahu akan cabaran yang dihadapi untuk membangunkan sebuah masyarakat yang beretika dan berperadaban tidak senang dan mudah. Antara cabaran yang dihadapi ialah cabaran politik, ekonomi, sosial, psikologi, pembangunan karakter, globalisasi, alam sekitar dan sains dan teknologi. Dengan mengetahui akan pelbagai cabaran yang dihadapi bagi kelestarian etika dan peradaban, kami telah membina pemikiran yang lebih maju terhadap topik ini dan juga memiliki minda kelas pertama supaya negara yang progresif dan maju boleh dibentuk.

Cabaran yang telah saya hadapi semasa menyediakan dan menyempurnakan tugas ini ialah slaid bagi topik ini tidak mempunyai banyak maklumat dan penjelasan bagi setiap cabaran. Oleh itu, saya menghadapi kesukaran untuk memahami sedalamnya tentang topik ini kerana maklumat yang kekurangan. Dengan itu, saya mengambil inisiatif untuk mencari maklumat di dalam Internet dan juga membaca buku modul yang subjek ini supaya saya mempunyai pengetahuan yang lebih mendalam dan maklumat yang lebih terperinci tentang setiap cabaran yang dijelaskan dalam topik ini.